

Saya menerima perkhabaran pemergian Tun Daim Zainuddin setibanya di Lima, Peru. Salam takziah buat keluarga Allahyarham. Kerajaan mengiktiraf jasa dan sumbangan beliau kepada negara, terutama semasa menjadi Menteri Kewangan. Al-Fatihah"

Anwar Ibrahim,
Perdana Menteri



"Saya bagi pihak kerajaan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. Kita doakan agar keluarga Tun Daim bersabar dalam menghadapi dugaan cukup besar ini, takziah"

Fahmi Fadzil,
Menteri Komunikasi




"Allahyarham pernah berkhidmat sebagai Senator dari 1980 hingga 1982. Saya bagi pihak ahli Dewan ini dan pihak Parlimen seluruhnya ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham"

Johari Abdul,
Yang Dipertua Dewan Rakyat



"Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah SWT menerima segala amal bakti Allahyarham dan menempatkannya di dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh serta beroleh ganjaran syurga"

Ahmad Zahid Hamidi,
Timbalan Perdana Menteri



"Kita ucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan semoga mereka diberi ketabahan dalam menghadapi masa yang sukar ini IS"

Fadillah Yusof,
Timbalan Perdana Menteri



"Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang beriman"

Mohamad Sabu,
Presiden AMANAH



Sumbangan, jasa Daim diiktiraf

Dewan Rakyat turut zahirkan ucapan takziah, beri penghormatan

Kuala Lumpur: Kerajaan mengiktiraf jasa dan sumbangan Allahyarham Tun Daim Zainuddin kepada negara, terutama ketika beliau menjadi Menteri Kewangan, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, beliau menerima perkhabaran pemergian Daim ketika tiba Lima, Peru.

"Saya menerima perkhabaran pemergian Tun Daim Zainuddin setibanya di Lima, Peru. Salam takziah buat keluarga Allahyarham. Kerajaan mengiktiraf jasa dan sumbangan beliau kepada negara, terutama semasa menjadi Menteri Kewangan. Al-Fatihah," katanya menerusi hantaran di Facebook, semalam.

Turut mengucapkan takziah ialah dua Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi dan Datuk Seri Fadillah Yusof.

"Semoga mereka (keluarga Allahyarham) dikurniakan kekuatan dan ketabahan dalam menghadapi ujian yang besar ini. Marilah kita sama-sama mendoakan semoga Allah SWT menerima segala amal bakti Allahyarham dan menempatkannya di dalam kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh serta beroleh ganjaran syurga," kata Ahmad Zahid di Facebook, semalam.

Sementara itu, Fadillah berkata, walaupun beliau secara

peribadi tidak pernah berkhidmat dalam kerajaan bersama Allahyarham, berdasarkan perkembangan yang diikutinya, beliau pasti banyak khidmat bakti yang dicurahkan Allahyarham semasa menjadi menteri Kabinet.

"Kita ucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham dan semoga mereka diberi ketabahan dalam menghadapi masa yang sukar ini," katanya ketika ditemui di kediaman Allahyarham selepas memberi penghormatan terakhir di kediaman keluarga Daim di Bukit Tunku, semalam.

Selain itu Menteri Komunikasi, merangkap jurucakap Kerajaan Perpaduan, Fahmi Fadzil, bagi pihak kerajaan merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Daim.

"Saya bagi pihak kerajaan menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham. Kita doakan agar keluarga Tun Daim bersabar dalam menghadapi dugaan cukup besar ini, takziah," katanya.

Dewan Rakyat turut menzahirkan ucapan takziah dan bertakafur bagi memberi penghormatan kepada Allahyarham Daim.

Yang Dipertua Dewan Rakyat, Tan Sri Johari Abdul, turut meminta semua Ahli Parlimen yang beragama Islam membacakan surah Al-Fatihah, manakala yang bukan Islam bertafakur sebelum sesi perbincangan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2025 peringkat jawatankuasa disambung, petang semalam.

Johari dalam menghargai jasa Daim turut mengimbu perkhidmatan Allahyarham sebagai Ahli Parlimen Kuala

Muda dan Merbok sejak 1982 hingga 2003.

"Allahyarham pernah berkhidmat sebagai Senator dari 1980 hingga 1982. Saya bagi pihak ahli Dewan ini dan pihak Parlimen seluruhnya ingin merakamkan ucapan takziah kepada seluruh ahli keluarga Allahyarham," katanya.

Bangkit selepas tamat sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Hamzah Zainudin (PN-Larut) berkata, Allahyarham adalah negarawan yang banyak berjasa kepada negara.

"Allahyarham adalah arkitik ekonomi negara sehingga Malaysia terkenal sebagai 'The Asian Tiger', Menggunakan jasa Allahyarham kepada agama, bangsa dan negara, terutamanya ketika negara berdepan krisis kewangan pada 1998. Beliau adalah pejuang tulen, bahkan sehingga akhir hayat tetap berjuang demi masa depan negara yang adil dan saksama," katanya.

Kehilangan besar

Pemimpin negara turut merakamkan ucapan takziah kepada ahli keluarga bekas Menteri Kewangan itu dan rata-rata menyifatkan pemergian Allahyarham sebagai satu kehilangan besar untuk negara.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata sumbangan Daim selama ini tidak ternilai kepada tanah air dan ia menjadi aspirasi kepada generasi akan datang.

"Semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan dalam kalangan orang-orang yang beriman," katanya Presiden AMANAH itu.

Menteri di Jabatan Perdana

Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman, menzahirkan ucapan takziah kepada ahli keluarga Daim sambil menyifatkan Allahyarham sebagai sosok utama sewaktu bergiat dalam UMNO suatu ketika dahulu.

Ucapan takziah turut dizahirkan Ahli Parlimen Marang yang juga Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang.

"Almarhum adalah mantan Menteri Kewangan Malaysia dan mantan Pengerusi Majlis Penasihat Kerajaan yang sangat besar jasanya kepada negara," katanya.

Ahli Parlimen Pagoh yang juga Pengerusi Perikatan Nasional (PN), Tan Sri Muhyiddin Yassin menyifatkan sumbangan besar Allahyarham ketika dua kali menjadi Menteri Kewa-

ngan pada 1984 hingga 1991 dan 1999 hingga 2001 menyaksikan pertumbuhan pesat ekonomi negara.

"Jasa Allahyarham dalam mengurus ekonomi dan membawa Malaysia keluar daripada krisis kewangan Asia ketika itu akan terus dikenang dan kekal dalam lipatan sejarah negara," katanya di laman sosial.

Bekas Menteri Kewangan, Lim Guan Eng turut merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Daim.

"Salam takziah saya sampaikan buat keluarga Allahyarham Tun Daim Zainuddin, mantan Menteri Kewangan negara di atas pemergian beliau pada hari ini (semalam)," katanya yang juga Pengerusi DAP.

BELASUNGKAWA MUKA 12